

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN (STAMPIN)

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan untuk permohonan yang dikemukakan di negeri Sarawak dalam tahun 2019 dan 2020 dan berapakah masih belum diputuskan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2019 hingga 15 Oktober 2020, sebanyak 571 permohonan kewarganegaraan di bawah semua Perkara Perlembagaan Persekutuan yang didaftarkan di negeri Sarawak telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak 536 permohonan diproses dan 222 permohonan telah diluluskan dan dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran Sijil Kewarganegaraan berkenaan meliputi permohonan yang telah diluluskan sebelum tahun 2019 tetapi dikeluarkan Sijil Kewarganegaraan dalam tempoh tahun 2019 hingga 2020. Para pemohon yang telah mendapat kelulusan perlu hadir di JPN bagi mengangkat sumpah selaras dengan Jadual Pertama Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya membuat pembayaran fi sebelum dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan.